

**Islam, Wanita, dan Kemodenan: Representasi Wanita Muslim Bosnia dalam Akhbar
Bošnjak Awal Abad ke-20**
(*Islam, Women, and Modernity: The Representation of Bosnian Muslim Women in the
Bošnjak Newspaper in the Early 20th Century*)

Azlizan Mat Enh^a & Haszira Muhamad Yusof^b

Abstrak

Pada awal abad ke-20, masyarakat Muslim Bosnia berhadapan dengan transformasi sosial dan intelektual yang dipengaruhi oleh pemerintahan Austria-Hungary dan era kemodenan. Dalam konteks ini, akhbar *Bošnjak*¹ menjadi medium penting yang bukan sahaja mencerminkan, tetapi juga membentuk naratif peranan wanita Muslim dalam masyarakat kolonial. Namun, kajian terhadap bagaimana media Islam awal berperanan dalam mendefinisikan semula identiti wanita Muslim dalam konteks pertembungan antara Islam, nasionalisme, dan kolonialisme masih kurang diterokai. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis terhadap kandungan akhbar *Bošnjak* (1897–1910) bagi mengenal pasti strategi yang digunakan untuk menyampaikan idea kemodenan dan batasan gender dalam masyarakat Muslim Bosnia. Kajian ini berhujah bahawa media Muslim tidak hanya menjadi alat untuk mengekalkan norma patriarki Islam tradisional, tetapi turut membentuk wacana baharu yang mencabar serta mentransformasi peranan wanita sebagai agen perubahan sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa *Bošnjak* memperlihatkan ketegangan ideologi antara identiti Islam, nasionalisme Bosnia, dan pengaruh kolonialisme Eropah dalam membentuk pemikiran wanita Muslim. Artikel ini memberikan perspektif baharu terhadap sejarah feminisme Islam dalam konteks Balkan khususnya di Bosnia-Herzegovina, dan juga membuka ruang baharu untuk memahami peranan media Muslim dalam menggambarkan perihai wanita dalam kemodenan era kolonialisme.

Kata kunci: Wanita Muslim, Bosnia, akhbar *Bošnjak*, jantina, kemodenan, pascakolonialisme

Abstract

During the early 20th century, Bosnian Muslim society experienced social and intellectual transformation influenced by Austro-Hungarian rule and the wave of modernity. That is where the role of the Bošnjak newspaper fits into the broader context in which it not only reflected but shaped the debate on what Muslim women's roles were in colonial society. There still exist very few studies, however, on how early Islamic media remade Muslim women's identities at the intersection of Islam, nationalism, and colonialism. This article employs a qualitative approach through content analysis of Bošnjak (1897–1910) to identify strategies used to articulate ideas of modernity and gender borders in Bosnian Muslim society. The study believes that Muslim media were not merely tools to consolidate traditional Islamic patriarchal norms but also contributed to creating new discourses opposing and reconfiguring women's roles as agents of social transformation. The finding reveal that Bošnjak delineates ideological contradictions among Islamic identity, Bosnian nationalism, and European colonialism in

^a Azlizan Mat Enh, Associate Professor, Research Center for History, Politics and International Affairs (SPHEA), Faculty of Humanities and Social Sciences, The National University of Malaysia, Selangor, Malaysia. Email: azlizan@ukm.edu.my.

^b Haszira Muhamad Yusof (corresponding author), Senior Lecturer, Research Center for History, Politics and International Affairs (SPHEA), Faculty of Humanities and Social Sciences, The National University of Malaysia, Selangor, Malaysia. Email: haszira@ukm.edu.my.

¹ Akhbar *Bošnjak* ini aslinya dalam bahasa Bosnia yang telah diterjemahkan oleh Prof. Dr Munir Mujic, iaitu Profesor dan pensyarah Pengajian Arab dari Jabatan Filologi Oriental, Fakulti Falsafah Universiti Sarajevo.

formulating Muslim women's perspectives. The article introduces a new understanding of the Balkan history of Islamic feminism in Bosnia-Herzegovina while creating new avenues to understand the role of Muslim media in representing women's lives during the modern colonial era.

Keywords: Muslim women, Bosnia, *Bošnjak* newspaper, gender, modernity, postcolonialism

Pengenalan

Peranan wanita Muslim dalam sejarah dunia Islam sentiasa menjadi subjek perdebatan yang mencerminkan pertembungan antara ajaran Islam, norma budaya, dan kemodenan. Dalam konteks Bosnia, pada awal abad ke-20, masyarakat Muslim mengalami transformasi sosial yang kompleks akibat perubahan politik daripada kerajaan Turki Uthmaniah kepada kolonialisme Austria-Hungary, dan pengaruh pemikiran reformasi Islam yang berkembang di dunia Muslim pada waktu itu.² Salah satu isu yang menjadi perhatian utama ialah kedudukan wanita Muslim dalam masyarakat, iaitu samada mereka harus terus berpegang kepada norma tradisional yang menetapkan peranan utama mereka dalam ruang domestik, atau mereka perlu menyertai proses kemodenan melalui pendidikan dan keterlibatan dalam sektor awam.³ Perbincangan mengenai wanita Muslim dalam dunia Islam moden telah banyak dibincangkan dalam kajian feminisme Islam, tetapi fokusnya lebih tertumpu kepada Timur Tengah dan Asia Selatan.⁴ Bosnia, sebagai sebahagian daripada dunia Islam Eropah, menghadapi dinamika yang unik kerana ia berada dalam persimpangan antara identiti Islam, nasionalisme Bosnia, dan pengaruh kolonialisme Eropah.⁵ Namun, kajian terhadap bagaimana Islam berperanan dalam membentuk identiti jantina di Bosnia pada zaman kolonial masih terhad, terutamanya bagaimana penerbitan awal media Muslim merepresentasi dan mencerminkan kedudukan wanita dalam masyarakat.

Salah satu media utama yang memainkan peranan penting dalam membentuk idea ini ialah akhbar *Bošnjak* yang dikaji dari tahun 1897–1910. *Bošnjak* merupakan akhbar Muslim Bosnia pertama yang diterbitkan dan dicetak dalam bahasa Bosnia yang menggunakan abjad Latin⁶. Pengasas, pemilik dan editornya ialah Mehmed beg Kapetanović Ljubušak⁷. Penerbitan akhbar ini mendapat tajaan daripada sebilangan kecil tuan tanah iaitu golongan elit yang merupakan pemilik tanah yang besar serta mempunyai kedudukan ekonomi dan sosial yang tinggi dalam masyarakat Bosnia ketika itu. Sokongan mereka melambangkan keterlibatan kelas atasan Muslim dalam usaha membentuk identiti politik dan budaya Bosniak moden. Mehmed bertekad menyokong rejim Austria-Hungary di Bosnia serta mempromosikan dasar kebangsaan Bosniakisme yang digagaskan oleh Benjamin Kállay, sebagai strategi untuk menyesuaikan komuniti Muslim dengan perubahan politik dan budaya yang semakin dipengaruhi oleh Eropah. Kepercayaan bahawa penerimaan terhadap budaya dan cara hidup Eropah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan mencerminkan kecenderungan reformisnya.

² Mark Pinson, *The Muslims of Bosnia-Herzegovina: Their Historic Development from the Middle Ages to the Dissolution of Yugoslavia* (Cambridge: Harvard University Press, 1996), 65; Mustafa Imamović, *Historija Bošnjaka* (Sarajevo: Bošnjački Institut, 2006), 101.

³ Robert J. Donia, *Sarajevo: A Biography* (London: Hurst, 2006), 87.

⁴ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate* (New Haven: Yale University Press, 1992), 64; Margot Badran, *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences* (Oxford: Oneworld Publications, 2009), 47.

⁵ Xavier Bougarel, *Islam and Nationhood in Bosnia-Herzegovina* (London: Bloomsbury, 2017), 180.

⁶ Azlizan Mat Enh, Suffian Mansor, Mohamad Rodzi Abd. Razak, "The Treaty of Berlin 1878: Implications for Muslims migration in Bosnia-herzegovina Before World War 1," *Journal of al-Tamaddun* 17, no. 1 (2022), 1-14.

⁷ Mehmed beg Kapetanović Ljubušak (1839–1902) ialah seorang tokoh terkemuka dalam sejarah Bosnia-Herzegovina pada akhir abad ke-19. Beliau merupakan seorang negarawan, penulis, intelektual Muslim, dan juga tokoh pembaharuan dalam kalangan komuniti Muslim Bosnia.

Kandungan akhbar ini merangkumi isu-isu berkaitan politik, pendidikan, dan hiburan. Kandungan artikel ini mencerminkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Muslim Bosnia bahawa pengaruh budaya dan cara hidup Eropah tidak dapat dielakkan oleh masyarakat, terutamanya di bawah pemerintahan kolonial Austria-Hungary⁸. Oleh itu, perbincangan dalam *Bošnjak* menjadi wadah penting bagi masyarakat Muslim untuk memberi perhatian kepada perubahan sosial yang sedang berlaku di Bosnia-Herzegovina. Akhbar ini bukan sahaja menjadi saluran perdebatan antara golongan reformis dan konservatif Muslim, tetapi juga menjadi medan rundingan bagi konsep wanita Muslim dalam era moden di bawah rejim Austria-Hungary. *Bošnjak* tidak hanya mencerminkan elemen patriarki Islam tradisional, tetapi juga berfungsi sebagai ruang perbincangan bagi konsep wanita sebagai agen perubahan, terutama dalam pendidikan dan reformasi sosial.⁹

Artikel ini berhujah bahawa Islam dalam media Muslim Bosnia bukan sekadar kerangka normatif, tetapi juga sebagai alat yang dinamik, digunakan untuk memperkuat atau mencabar batasan jantina dalam masyarakat kolonial Bosnia di bawah pentadbiran Austria-Hungary. Sejak pendudukan Bosnia-Herzegovina oleh Austria-Hungary pada tahun 1878, masyarakat Muslim Bosnia telah berada dalam keadaan peralihan yang kompleks, melalui penstrukturan semula autoriti agama, undang-undang keluarga, pendidikan, dan peranan sosial wanita. Artikel ini berusaha menjawab soalan utama: Bagaimana Islam sebagai alat wacana dalam membentuk konsep jantina dan kemodenan dalam masyarakat Muslim Bosnia? Bagaimana akhbar *Bošnjak* menampilkan naratif yang berbeza antara kemodenan, identiti Islam, dan kolonialisme? Dengan meneliti mengenai isu wanita Muslim di Bosnia pada awal abad ke-20, artikel ini menyumbang kepada perbincangan global tentang feminisme Islam, jantina dalam masyarakat Muslim di Balkan, dan peranan Islam dalam membentuk kemodenan pada era kolonialisme. Kajian ini menawarkan perspektif baharu mengenai sejarah feminisme Islam dalam konteks Balkan, khususnya di Bosnia-Herzegovina, serta membuka perbincangan baharu dalam memahami peranan media Muslim dalam menampilkan imej wanita Muslim dalam arus kemodenan era kolonialisme.

Sorotan Kajian Lepas

Perdebatan mengenai wanita Muslim dalam konteks perubahan sosial dan peranan media Islam telah berkembang secara meluas dalam beberapa dekad terakhir, terutamanya dalam kajian feminisme Islam dan sejarah sosial Muslim seperti karya Leila Ahmad dalam buku *Buku Women and Gender in Islam :Historical Roots of a Modern Debate*.¹⁰ Namun, kebanyakan kajian tertumpu kepada wanita Muslim di Timur Tengah dan Asia Selatan, sementara kajian terhadap wanita Muslim di Eropah, khususnya di Bosnia, masih dalam peringkat awal.¹¹ Buku *Making Muslim Women European: Voluntary Associations, Gender, and Islam in Post-Ottoman Bosnia and Yugoslavia (1878–1941)* oleh Fabio Giomi memberikan gambaran sejarah yang komprehensif tentang pengalaman wanita Muslim Bosnia selepas era Uthmaniyyah. menunjukkan bahawa wanita Muslim tidak hanya berada di ruang privasi mereka, tetapi melalui berbagai persatuan sukarela mereka turut membentuk naratif sosial tentang pendidikan, peranan sosial, budaya dan identiti dalam konteks pasca-Ottoman dan kolonial Austro-Hungary.¹² Oleh itu, artikel ini mengisi jurang akademik tersebut dengan meneliti bagaimana akhbar Muslim Bosnia, khususnya *Bošnjak*, membincangkan tentang

⁸ Azlizan Mat Enh, "The First Balkan War, 1912-1913: An Analysis from British Records," *Tamkang Journal of International Affairs*, 18, no. 1 (2014):109-140.

⁹ Fabio Giomi, *Making Muslim Women European: Voluntary Associations, Gender, and Islam in Post-Ottoman Bosnia and Yugoslavia (1878–1941)* (Budapest/New York: Central European University Press, 2021), 41.

¹⁰ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate* (New Haven: Yale University Press, 1992), 111.

¹¹ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam*, 110-112

¹² Fabio Giomi, "Making Muslim Women European: Voluntary Associations, Gender, and Islam in Post-Ottoman Bosnia and Yugoslavia (1878–1941)," 227.

wanita Muslim sebagai subjek perdebatan antara tradisionalisme Islam, nasionalisme Bosnia, dan kolonialisme Austria-Hungary. Tinjauan terhadap kajian terdahulu ini membincangkan tiga dimensi utama iaitu, feminisme Islam dan peranan wanita dalam reformasi sosial Muslim, media Islam dan wanita dalam era kolonial, akhir sekali tentang nasionalisme dan identiti wanita Muslim Bosnia di bawah Austria-Hungary. Dalam konteks Bosnia, kajian sejarah oleh Marko Attila Hoare dalam *The History of Bosnia: From the Middle Ages to the Present Day* memberi gambaran luas tentang sejarah Bosnia dan transformasi sosialnya, termasuk era pemerintahan Austria-Hungary. Hoare menunjukkan bagaimana identiti politik, budaya, dan agama masyarakat Bosnia terus berubah di bawah tekanan kuasa luar, yang menyediakan konteks penting untuk memahami bagaimana naratif sosial termasuk peranan wanita dibentuk dalam media tempatan pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.¹³ Selain itu, Lila Abu-Lughod dalam karyanya *Do Muslim Women Need Saving* memperluaskan lagi wacana feminisme Islam dengan menekankan bahawa pengalaman wanita Muslim tidak homogen. Beliau mengajak para sarjana untuk mengambil kira konteks budaya dan sejarah setempat apabila membincangkan hak dan identiti wanita Muslim, khususnya untuk mengelakkan stereotaip yang sering muncul dalam kajian berkaitan gender dan Islam.¹⁴

Seperti yang dinyatakan, kajian terhadap wanita Muslim di Eropah, khususnya di Bosnia dalam era penjajahan Austria-Hungary, masih kurang diberikan perhatian. Sebahagian besar literatur seperti Hoare, Marko Attila (2007) memberi tumpuan kepada tempoh awal perang, pascaperang atau pembangunan identiti nasional selepas Perang Dunia Kedua. Justeru, wujud jurang yang signifikan dalam memahami bagaimana wanita Muslim Bosnia terlibat dalam pembentukan wacana sosial dan nasionalisme semasa era kolonial. Dalam konteks ini, kajian Fabio Giomi (2021) memberikan dimensi penting apabila beliau menunjukkan bahawa wanita Muslim Bosnia bukan sekadar subjek pasif perubahan sosial, tetapi mempunyai sumbangan yang lebih besar. Penemuan Giomi memperkukuh kerangka analisis artikel ini dalam menelusuri bagaimana media Islam seperti *Bošnjak* menjadi medan penting bagi pembentukan naratif sosial wanita Muslim di Bosnia sebelum Perang Dunia Kedua.

Feminisme Islam dan Peranan Wanita dalam Reformasi Sosial Muslim

Kajian feminisme Islam sering menekankan hubungan kompleks antara Islam, gender, dan kolonialisme dalam membentuk peranan wanita Muslim dalam masyarakat moden.¹⁵ Leila Ahmed berpendapat bahawa konsep feminisme Islam tidak boleh dipisahkan daripada sejarah interaksi antara Islam dan kolonialisme, di mana wanita sering dijadikan subjek utama dalam perdebatan antara reformis dan tradisional.¹⁶ Dalam kajian oleh Jahić dan Karić menunjukkan bahawa wanita Muslim Bosnia menghadapi cabaran berganda di satu pihak, mereka ditekan oleh norma patriarki Islam tradisional, sementara di pihak lain, mereka berdepan dengan hegemoni kolonial Austria-Hungary yang mahu “memodenkan” mereka mengikut acuan Eropah.¹⁷ Salah satu aspek penting dalam feminisme Islam ialah pendidikan wanita, yang menjadi medan pertempuran antara golongan reformis yang menyokong pendidikan wanita dan golongan konservatif yang melihat pendidikan sebagai ancaman kepada peranan domestik wanita.¹⁸ Suratkhbar dalam *Bošnjak* menunjukkan bahawa wanita Muslim bukan sekadar objek dalam wacana Islam, tetapi juga agen perubahan sosial yang boleh

¹³ Marko Attila Hoare, “The History of Bosnia: From the Middle Ages to the Present Day,” (London: Saqi Publications, 2007), 235–50.

¹⁴ Lila Abu-Lughod, *Do Muslim Women Need Saving?* (Cambridge, MA: Harvard University Press, 2013), 200.

¹⁵ Margot Badran, *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences* (Oxford: Oneworld Publications, 2009), 67–77.

¹⁶ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam*, 112.

¹⁷ Adnan Jahić, *Muslimansko žensko pitanje u Bosni i Hercegovini (1908–1950)* (Zagreb; Sarajevo, 2017), juga lihat Enes Karić, “Islamic Thought in Bosnia-Herzegovina in the 20th Century: Debates on Revival and Reform,” *Islamic Studies* 41, no. 3 (2002), 391–444.

¹⁸ Sa’diyya Shaikh, *Sufi Narratives of Intimacy: Ibn ‘Arabī, Gender, and Sexuality* (Chapel Hill: University of North Carolina Press, 2021), 146.

Islam, Wanita, dan Kemodenan: Representasi Wanita Muslim Bosnia dalam Akhbar Bošnjak Awal Abad ke-20 menggunakan pendidikan sebagai alat untuk memperkasakan diri dalam batasan yang ditentukan oleh Islam dan budaya tempatan¹⁹.

Media Islam dan Wanita dalam Era Kolonial

Media Islam telah lama menjadi alat penting dalam pembentukan identiti wanita Muslim, terutamanya dalam konteks penjajahan dan reformasi sosial. Kajian terhadap akhbar Muslim di Timur Tengah seperti al-Manar dan al-Ahram menunjukkan bahawa media sering menjadi ruang perdebatan antara modernisme dan tradisionalisme dalam isu gender.²⁰ Namun, dalam konteks Bosnia, kajian terhadap media Islam masih sangat terhad terutama kajian yang meneliti bagaimana akhbar Muslim Bosnia pada awal abad ke-20 memainkan peranan sebagai ruang dialog antara golongan reformis dan konservatif.²¹ *Bošnjak*, selain sebagai akhbar Muslim yang pertama di Bosnia dan tetapi juga salah satu akhbar Muslim yang berpengaruh pada waktu itu, sering kali memaparkan perbincangan mengenai peranan wanita dalam pendidikan, perkahwinan, dan ekonomi. *Bošnjak*, mengengahkan ketegangan antara keperluan menyesuaikan diri dengan kemodenan dan keperluan mengekalkan identiti Islam. Dalam konteks kolonialisme Austria-Hungary, perbincangan tentang wanita Muslim sering kali digunakan oleh kerajaan kolonial sebagai alasan untuk campur tangan dalam urusan Muslim Bosnia. Menurut Chakrabarty, pada tanggapan kolonial wanita Muslim sebagai “subjek yang perlu diselamatkan”, bagi membolehkan imperialisme moral berfungsi sebagai justifikasi penjajahan.²² Namun, artikel dalam *Bošnjak* menunjukkan naratif yang menentang logik kolonial ini, di mana wanita Muslim Bosnia dilihat sebagai simbol kedaulatan budaya dan agama, bukan sebagai subjek pasif yang perlu “dimodenkan” oleh kolonialisme.

Wanita Muslim Bosnia dalam Nasionalisme dan Identiti Islam di bawah Austria-Hungary

Pemerintahan Austria-Hungary di Bosnia (1878–1918) membawa perubahan besar dalam struktur sosial Muslim Bosnia, termasuk usaha untuk membuka sekolah bagi wanita Muslim dan memperkenalkan reformasi dalam institusi Islam.²³ Namun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa usaha ini sering kali berdepan dengan tentangan daripada golongan konservatif Muslim yang melihatnya sebagai ancaman terhadap identiti Islam.²⁴ Kajian oleh Donia menunjukkan bahawa liputan dalam media Muslim Bosnia mengenai pendidikan wanita bersifat bertentangan di satu pihak, di mana pendidikan dianggap sebagai alat untuk memperkasakan wanita Muslim, tetapi dalam masa yang sama juga, dikhuatiri akan merosakkan nilai tradisional Islam.²⁵ Artikel-artikel yang ditulis dalam *Bošnjak* mencerminkan ketegangan ini, dengan sesetengah penulis menekankan keperluan wanita Muslim untuk berpendidikan bagi membangunkan masyarakat, manakala yang lain menekankan bahawa wanita harus tetap berada dalam lingkungan domestik.

Dengan menggunakan sumber akhbar *Bošnjak*, kajian ini akan memberikan pandangan baharu terhadap bagaimana media Muslim berfungsi sebagai ruang perdebatan dalam isu gender, identiti Islam dan nasionalisme.

¹⁹ Khairi Ariffin & Azlizan Mat Enh, “English Language in the British Education System in Malaya: Implementation and Implications”, *3L: Language, Linguistics, Literature the Southeast Asian Journal of English Language Studies* 28, no. 4 (2022), 1-12.

²⁰ Mervat F. Hatem, *Literature, Gender, and Nation-Building in Nineteenth-Century Egypt* (New York: Palgrave, 2011), 113.

²¹ Enes Karić, “Islamic Thought in Bosnia-Herzegovina in the 20th Century: Debates on Revival and Reform,” *Islamic Studies* 41, no. 3 (2002), 391–444.

²² Dipesh Chakrabarty, *Provincializing Europe: Postcolonial Thought and Historical Difference* (Princeton: Princeton University Press, 2000), 34.

²³ Mustafa Imamović, *Historija Bošnjaka* (Sarajevo: Bošnjački Institut, 2006), 93; Mark Pinson, *The Muslims of Bosnia-Herzegovina: Their Historic Development from the Middle Ages to the Dissolution of Yugoslavia* (Cambridge, MA: Harvard University Press, 1996), 89.

²⁴ Robert J. Donia, *Sarajevo: A Biography* (London: Hurst, 2006), 232.

²⁵ Robert J. Donia, *Sarajevo: A Biography*, 247.

Metodologi

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berteraskan analisis akhbar dan sejarah sosial. Proses analisis dijalankan melalui analisis kandungan kualitatif (*qualitative content analysis*). Pertama, semua artikel yang berkaitan dengan tema wanita, pendidikan, moraliti, dan reformasi sosial dikenal pasti melalui pembacaan sistematik terhadap akhbar. Kedua, teks dikategorikan mengikut tema utama seperti pendidikan wanita, peranan domestik, moraliti Islam, dan wacana modernisme. Proses analisis tematik dilakukan secara manual melalui pembacaan berulang bagi mengenal pasti pola wacana dan naratif dominan dalam representasi wanita Muslim.

Kajian ini memberi tumpuan kepada artikel-artikel yang diterbitkan dalam *Bošnjak* yang membincangkan isu-isu berkaitan wanita Muslim. Antara bahan yang dianalisis termasuk artikel daripada ruangan editorial yang mengupas tentang pendidikan dan peranan wanita dalam masyarakat Islam, laporan berita yang menyentuh isu-isu berkaitan moraliti serta reformasi sosial wanita Muslim, dan juga surat pembaca serta komentar masyarakat Muslim mengenai kedudukan wanita dan perubahan sosial yang berlaku. Artikel ini meneliti representasi isu wanita Muslim dalam kandungan akhbar *Bošnjak* antara tahun 1897 hingga 1910. Pemilihan akhbar *Bošnjak* adalah berasaskan keupayaannya dalam mendedahkan pengaruh besar yang tersembunyi dalam konteks kolonial, reformasi sosial Islam, dan nasionalisme Bosnia.²⁶ Pendekatan ini membolehkan kita memahami bagaimana wanita Muslim Bosnia diletakkan sebagai subjek antara patriarki tradisional, imperialisme kolonial, dan modernisme Islam. Selain itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan sejarah sosial yang berteraskan prinsip hermeneutik sejarah, iaitu teks tidak dibaca sebagai maklumat terpisah, tetapi ditafsir dalam hubungannya dengan konteks sosial pada zamannya. Pendekatan ini melengkapkan analisis dengan pemahaman terhadap perubahan sosial yang mempengaruhi kedudukan wanita Muslim dalam masyarakat Bosnia pada era pemerintahan Austria-Hungary. Oleh kerana *Bošnjak* bukan sekadar medium berita tetapi juga ruang perdebatan mengenai identiti Islam masyarakat Bosnia, maka kaedah ini dapat membantu interaksi antara gender, agama, dan politik dalam media Islam awal abad ke-20.

Reka Bentuk

Dalam analisis ini, artikel-artikel yang terpilih telah dikategorikan kepada beberapa tema utama. Tema-tema tersebut merangkumi perbincangan tentang pendidikan wanita Muslim, peranan wanita sebagai simbol identiti Islam dan nasionalisme Bosnia, reaksi masyarakat Muslim terhadap dasar dan pengaruh kolonial Austria-Hungary khususnya dalam isu berkaitan wanita, serta peranan ekonomi wanita Muslim dalam masyarakat ketika itu. Pendekatan ini membolehkan penulis menelusuri naratif yang terbentuk dalam media serta memahami aspek sosial yang melibatkan wanita Muslim dalam konteks sejarah Bosnia. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang ketegangan antara Islam tradisional dan reformasi sosial kepada wanita Muslim, serta bagaimana kolonialisme Austria-Hungary mempengaruhi pembentukan naratif tertentu mengenai wanita Muslim Bosnia.

Kerangka Teori

Artikel ini berasaskan Pendekatan Pascakolonial sebagai kerangka utama.²⁷ Perspektif Feminisme Islam dan Feminisme Pascakolonial turut digunakan sebagai latar belakang dalam memahami bagaimana wanita Muslim di Bosnia dibentuk.

²⁶ Ruth Wodak and Michael Meyer, "Critical Discourse Studies: History, Agenda, Theory, and Methodology," dalam *Methods of Critical Discourse Studies*, ed. Ruth Wodak and Michael Meyer (London: Sage Publications, 2016), 1–22.

²⁷ Dipesh Chakrabarty, *Provincializing Europe: Postcolonial Thought and Historical Difference* (Princeton: Princeton University Press, 2000), 112; Gayatri Chakravorty Spivak, "Can the Subaltern Speak?" dalam *Marxism*

Pendekatan Pascakolonial

Pascakolonialisme membantu memahami bagaimana kolonialisme Austria-Hungary membentuk naratif tentang wanita Muslim Bosnia. Kuasa kolonial sering kali menggambarkan masyarakat Islam sebagai tidak moden dan memerlukan reformasi, seperti yang ditegaskan oleh Chakrabarty.²⁸ Dalam konteks Bosnia, wanita Muslim menjadi lambang kepada apa yang dianggap sebagai kemunduran yang perlu diatasi melalui campur tangan kolonial. Spivak pula membincangkan bagaimana wanita Muslim sering dijadikan subjek dalam naratif yang digunakan untuk memberi penegasan kepada keperluan kehadiran dan dominasi kolonial. Wanita tidak diberi suara dalam naratif kolonial ini, sebaliknya digunakan sebagai simbol dalam projek pembaratan yang kononnya membawa kemajuan.²⁹ Pendekatan pascakolonial ini membolehkan analisis yang lebih kritis terhadap bagaimana kuasa kolonial membentuk persepsi terhadap wanita Muslim, bukan sahaja sebagai sebahagian daripada strategi penjajahan, tetapi juga sebagai alat dalam pembinaan identiti dan kuasa. Dalam konteks ini, *Bošnjak* boleh dilihat sebagai medium yang berusaha membentuk imej wanita Muslim sebagai simbol identiti Islam dan Bosnia, sekaligus mencabar naratif kolonial tentang wanita Muslim.

Feminisme Islam dan Feminisme Pascakolonial

Kajian feminisme Islam dan feminisme pascakolonial membantu memahami bagaimana perbincangan tentang wanita Muslim dalam *Bošnjak* mencerminkan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat Muslim Bosnia. Dalam konteks Bosnia di bawah pemerintahan Austria-Hungary, feminisme Islam dan feminisme pascakolonial tidak beroperasi sebagai dua kerangka yang terpisah, tetapi bertembung dan saling melengkapi dalam memahami kedudukan wanita Muslim. Feminisme Islam menekankan bahawa reformasi mengenai wanita boleh muncul dari dalam tradisi intelektual Islam sendiri, bukan semata-mata hasil tekanan luar. Seperti yang diujikan oleh Leila Ahmed, perbincangan tentang wanita dalam masyarakat Muslim dan pembaharuan sosial selalu dikaitkan melalui tafsiran semula dalam konteks sesuatu peristiwa tertentu mengikut landasan agama.³⁰ Dalam kandungan *Bošnjak*, wanita digambarkan sebagai golongan yang aktif dalam perdebatan pendidikan, moraliti, dan pembaharuan masyarakat, selari dengan apa yang disebut oleh Margot Badran sebagai wacana feminisme Islam yang menuntut keadilan gender melalui kerangka etika Islam.³¹

Namun pada masa yang sama, feminisme pascakolonial menunjukkan bahawa wacana pembebasan wanita ini berlaku dalam medan kuasa kolonial yang tidak neutral. Chandra Talpade Mohanty mengingatkan bahawa wanita Dunia Ketiga sering dijadikan objek dalam naratif universal tentang “penyelamatan” yang sebenarnya mencerminkan kuasa epistemologi Barat.³² Dalam konteks Bosnia, representasi wanita Muslim tidak dapat dipisahkan daripada tekanan kolonial Austria-Hungary yang cuba menilai masyarakat Islam melalui ukuran Eropah. Di sinilah berlaku ketegangan: reformasi mengenai wanita dalam *Bošnjak* boleh dibaca sebagai usaha autonomi masyarakat Muslim Bosnia untuk mentafsir moderniti mengikut kerangka Islam, tetapi pada masa yang sama ia bergerak dalam bayang-bayang wacana kolonial yang menuntut pembaratan.

and the Interpretation of Culture, ed. Cary Nelson and Lawrence Grossberg (Urbana: University of Illinois Press, 1988), 271–313.

²⁸ Dipesh Chakrabarty, *Provincializing Europe: Postcolonial Thought and Historical Difference* (Princeton: Princeton University Press, 2000), 92.

²⁹ Gayatri Chakravorty Spivak, “Can the Subaltern Speak?” dalam *Marxism and the Interpretation of Culture*, ed. Cary Nelson and Lawrence Grossberg (Urbana: University of Illinois Press, 1988), 271–313.

³⁰ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate* (New Haven: Yale University Press, 1992), 111.

³¹ Margot Badran, *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences* (Oxford: Oneworld Publications, 2009), 19.

³² Chandra Talpade Mohanty, *Feminism without Borders: Decolonizing Theory, Practicing Solidarity* (Durham, NC: Duke University Press, 2003), 23.

Seperti yang ditegaskan oleh Gayatri Chakravorty Spivak, wanita dalam masyarakat kolonial sering menjadi simbol yang digunakan untuk merundingkan kuasa antara penjajah dan komuniti tempatan tanpa benar-benar diberi suara sendiri.³³ Integrasi feminisme Islam dan feminisme pascakolonial membolehkan analisis yang lebih jelas bagaimana wanita dalam *Bošnjak* dirangka sebagai agen moral, intelektual, dan sosial, pada yang sama terikat dalam struktur kuasa kolonial. Representasi wanita dalam akhbar tersebut mencerminkan proses rundingan identiti yang kompleks antara agama, kolonialisme, dan pembentukan bangsa Bosnia. Kerangka teori ini menjadi asas untuk menafsir representasi wanita Muslim dalam kandungan *Bošnjak* yang dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Pemilihan Sumber dan Data

Kajian ini menggunakan sumber primer daripada 50 naskah edisi akhbar *Bošnjak* yang diterbitkan antara tahun 1897 hingga 1910. Penerbitan akhbar ini adalah sebulan sekali. Pemilihan tempoh ini dibuat kerana tempoh tersebut merupakan era peralihan penting dalam masyarakat Muslim Bosnia yang sebelum ini dibawah pentadbiran kerajaan Islam Turki Uthmaniah selama 400 tahun sejak 1463 sebelum beralih kepada pemerintahan kerajaan Austria-Hungary pada tahun 1878. Apabila berlakunya pemberontakan pada tahun 1875-1878 di Bosnia-Herzegovina, kuasa-kuasa besar melalui Perjanjian Berlin 1878, telah menyerahkan Bosnia-Herzegovina di bawah pentadbiran Austria-Hungary secara sementara.³⁴ Manakala pada tahun 1908, Austria-Hungary telah mengisytiharkan Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada tanah jajahannya. Justeru, dalam tempoh 1897 hingga 1910 liputan tentang wanita, reformasi Islam, dan kolonialisme Austria-Hungary semakin menonjol dalam media.³⁵

Pemilihan *Bošnjak* sebagai sumber utama dibuat berdasarkan faktor berikut:

1. *Bošnjak* merupakan salah satu akhbar Islam yang pertama diterbitkan dan paling berpengaruh di Bosnia pada era kolonial Austria-Hungary.
2. Akhbar ini aktif membincangkan isu pendidikan wanita Muslim, moral sosial, dan reformasi Islam, menjadikannya sumber yang kaya untuk sumber analisis.
3. Kandungan akhbar mencerminkan pertentangan antara Islam tradisional, modernisme, dan tekanan kolonialisme, khususnya dalam perbincangan tentang wanita Muslim.

Untuk memastikan kesahihan data, beberapa kriteria pemilihan artikel akhbar telah ditetapkan. Artikel akhbar yang dipilih adalah secara jelas membincangkan wanita Muslim, khususnya dalam aspek pendidikan, peranan sosial, moraliti, dan usaha reformasi. Selain itu, laporan berita dan editorial yang mencerminkan pandangan terhadap wanita Muslim, terutamanya dalam kerangka tanggapan kolonial terhadap masyarakat Muslim Bosnia, turut diambil kira. Artikel ini juga memberi perhatian kepada artikel akhbar yang memperlihatkan pertembungan antara Islam tradisional dan gagasan reformasi moden berhubung kedudukan wanita. Surat pembaca dan polemik yang mengulas isu berkaitan wanita Muslim dalam konteks agama, budaya, dan perubahan sosial turut diteliti sebagai bahan penting untuk memahami reaksi dan pandangan masyarakat. Akhir sekali ialah, menganalisis artikel akhbar yang mengetengahkan pandangan pemimpin Muslim Bosnia terhadap pendidikan dan peranan wanita dalam masyarakat, kerana ia mencerminkan aspirasi serta cabaran yang dihadapi dalam proses perubahan sosial ketika itu.

³³ Gayatri Chakravorty Spivak, "Can the Subaltern Speak?" dalam *Marxism and the Interpretation of Culture*, ed. Cary Nelson and Lawrence Grossberg (Urbana: University of Illinois Press, 1988), 271–313.

³⁴ Azlizan Mat Enh, "Balkan War 2 In 1913 and the Diplomacy of the Great Powers: Analysis from the British Documents," *Tamkang Journal of International Affairs* 20, no. 1 (2016), 95-138.

³⁵ Azlizan Mat Enh, "Balkan War 2," 95-138.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Pendidikan Wanita Muslim dalam Bošnjak

Konflik ini mencerminkan perdebatan lebih besar dalam dunia Islam tentang pendidikan wanita, iaitu sama ada pendidikan harus mematuhi norma patriarki Islam tradisional atau menjadi alat untuk perubahan sosial. Dalam *Bošnjak*, seorang penulis Muslim menggesa masyarakat agar memberi peluang kepada wanita untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik, tetapi pada masa yang sama menegaskan bahawa wanita harus tetap berpegang teguh pada ajaran Islam dalam setiap aspek kehidupan mereka:

Sudah tentu, ini bukan kali pertama akhbar kami membincangkan topik ini (pendidikan wanita), yang kini kami letakkan di barisan hadapan penerbitan kami. Isu ini telah dibahas setiap tahun, dan kami yakin bahawa terdapat kemajuan yang telah dicapai. Kali ini, kami akan berbicara tentang satu isu yang secara langsung mempengaruhi kehidupan peribadi kita, khususnya di ibu kota kita, Sarajevo. Perlu ditekankan bahawa akhlak adalah perkara paling suci dalam dunia Islam, kerana ia merupakan nilai yang ditanam oleh Islam dalam hati umat kita. Tradisi kita dibina atas prinsip memelihara kekuatan moral, yang selama ini menjadi tonggak bagi setiap bangsa.³⁶

Ini menunjukkan bahawa meskipun ada sokongan terhadap pendidikan wanita, tetapi sering dikaitkan dengan tanggungjawab domestik dan morality. Ini selari dengan teori “moderniti Islam” oleh Chakrabarty yang berhujah bahawa masyarakat Islam memodenkan diri mereka bukan dengan meniru Barat, tetapi dengan menyesuaikan unsur moden dengan tradisi mereka sendiri.³⁷

Dalam konteks pascakolonial, pendidikan juga menjadi alat perlawanan budaya terhadap asimilasi kolonial. Kerajaan Austria-Hungary pada ketika itu cuba menggunakan pendidikan sebagai mekanisme untuk mengubah struktur sosial Bosnia, dengan memperkenalkan sistem sekolah moden yang mengurangkan pengaruh Islam dalam kurikulum. Namun, masyarakat Muslim Bosnia tidak menerima pendidikan kolonial secara pasif, sebaliknya mereka mengadaptasi elemen pendidikan moden dengan mengekalkan nilai Islam. Dalam *Bošnjak*, seorang pemuda Muslim mengkritik hospital tempatan kerana tidak mempunyai peruntukan khusus untuk pesakit wanita Muslim, menunjukkan bahawa isu tentang pendidikan juga berkait dengan hak wanita Muslim untuk mendapatkan perkhidmatan yang selari dengan kepercayaan agama mereka.

Masalahnya bukan sekadar kehadiran doktor lelaki di bilik itu, tetapi juga kehadiran pelawat lelaki lain yang datang melawat pesakit mereka. Keadaan ini memaksa wanita Muslim untuk tetap tinggal di rumah, walaupun mereka memerlukan rawatan. Untuk menyelesaikan masalah yang nyata dan mendesak ini, kami dengan penuh hormat memohon kepada kerajaan wilayah supaya membina sebuah pavilion khas untuk wanita Muslim.³⁸

Pendidikan wanita juga menjadi alat untuk memperkukuhkan identiti nasional Muslim Bosnia. Dalam *Bošnjak*, resolusi yang dikeluarkan oleh Muslim Sarajevo menegaskan bahawa pendidikan Islam harus dipertahankan sebagai benteng terakhir dalam mengekalkan identiti masyarakat Muslim Bosnia di bawah pemerintahan kolonial.³⁹ Ini menunjukkan bagaimana

³⁶ *Bošnjak*, 30 Mei 1907, hlm.1

³⁷ Dipesh Chakrabarty, *Provincializing Europe: Postcolonial Thought and Historical Difference* (Princeton: Princeton University Press, 2000), 91.

³⁸ *Bošnjak*, 27 Jun 1907, hlm.2

³⁹ *Bošnjak*, 9 April 1909, hlm. 3

pendidikan bukan sekadar isu pembangunan sosial, tetapi juga isu politik dan keagamaan yang menjadi alat perlawanan terhadap hegemoni kolonial.

Lebih menarik, isu pendidikan wanita yang diketengahkan dalam akhbar *Bošnjak* sering dikaitkan dengan fungsi ekonomi dan kebajikan sosial. Dalam *Bošnjak*, dilaporkan bahawa semakin ramai wanita Muslim mula bekerja di bengkel tenunan di Sarajevo, tetapi dengan syarat bahawa mereka bekerja dalam persekitaran yang menjaga nilai Islam:

Dalam bengkel ini, terdapat sebilangan besar wanita Muslim yang bekerja, dan jumlah mereka pasti akan bertambah sekiranya terdapat seorang kerani Muslim yang bertugas di sana. Kami telah mendengar bahawa kerajaan bercadang untuk melantik seorang kerani komputer di bengkel ini. Oleh itu, kami dengan hormatnya memohon kepada pihak kerajaan agar mengisi jawatan ini dengan seorang Muslim, seseorang yang dikenali dalam semua lapisan masyarakat, terutama dalam kalangan Islam, kerana kesopanannya serta kecekapan kerjanya. Kami yakin bahawa pelantikan ini akan menggandakan jumlah wanita Muslim yang menyertai institusi ini. Kami amat berharap bahawa kerajaan akan memenuhi permintaan yang adil ini demi kepentingan umat Islam.⁴⁰

Pendidikan bukan hanya mengenai literasi, tetapi juga melibatkan penguasaan kemahiran ekonomi yang dapat membantu keluarga dan masyarakat Muslim. Ini menunjukkan bahawa wanita Muslim Bosnia tidak hanya menjadi penerima pendidikan, tetapi juga peserta aktif dalam pembangunan ekonomi, seiring dengan konsep feminisme Islam yang dikemukakan oleh Badran, yang menyatakan bahawa wanita Muslim dalam masyarakat Islam kolonial sering mengadaptasi pendidikan untuk memperkasakan diri dalam batasan agama mereka.⁴¹

Pendidikan seorang wanita bukanlah terdiri daripada mengetahui cara menunggang basikal, menari, menghadiri konsert, atau campur tangan dalam urusan suaminya. Tugasnya adalah mendidik anak-anak yang akan bekerja dengan tekun untuk kesejahteraan manusia dan berkhidmat kepada bangsa mereka dengan gagah berani." Selain itu, penulis Turki yang bernama Remzije Hanuma juga berkata: "Sudah tentu, wanita juga harus belajar, menulis, dan dididik dalam pelbagai cabang ilmu. Setiap wanita harus menjadi pendidik dalam ilmu keimanan, moral, didikan, dan sebagainya."⁴²

Secara keseluruhannya, hasil dapatan ini menunjukkan bahawa pendidikan wanita dalam *Bošnjak* adalah medan rundingan antara tradisi dan moderniti, Islam dan sekularisme, kolonialisme dan nasionalisme. Pendidikan diiktiraf sebagai alat penting untuk meningkatkan kedudukan wanita Muslim, tetapi pada masa yang sama dikawal dengan ketat agar tidak melangkaui batas moraliti Islam⁴³. Dalam konteks Bosnia, pendidikan wanita bukan hanya satu proses perubahan sosial, tetapi juga alat perlawanan budaya terhadap asimilasi kolonial. Hal ini memperlihatkan bagaimana wanita Muslim Bosnia bukan sekadar subjek pasif dalam proses pemodenan, tetapi agen aktif dalam membentuk bentuk moderniti Islam yang tersendiri.

Perkahwinan adalah dalam perkhidmatan budaya dan kemanusiaan; melalui perkahwinan, tamadun dan moral wujud; ia adalah pemadam kerosakan dan kejahatan; ia adalah tempat perlindungan manusia, taman kebahagiaan, penjaga

⁴⁰ *Bošnjak*, 4 Februari 1910, hlm.2

⁴¹ Margot Badran, *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences* (Oxford: Oneworld Publications, 2009), 24.

⁴² *Bošnjak*, 18 Februari 1910, hlm. 1-2.

⁴³ Aslati, Rahman, Silawati, Sofia Hardani, and Albahi, "The Role of Women in Politics in Indonesia: Critical Review of Islamic Law," *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*, 9, no. 2 (2025): 1108–1129.

kehidupan dan kesihatan, dan tujuan tertinggi umat manusia. Kebahagiaan perkahwinan bergantung pada kebahagiaan seluruh umat manusia, baik pada masa depan mahupun masa kini. Cinta, belas kasihan, kesopanan, hubungan darah, dan semua kebajikan serta hubungan manusia lain berpunca daripada perkahwinan. Apabila seorang wanita yang sudah berkahwin memahami bahawa di tangannya terletak masa depan seluruh keluarga, dan mungkin juga seluruh bangsa, dan sebagainya.⁴⁴

Pendidikan Wanita Muslim Bosnia dalam Konteks Global

Pendidikan wanita dalam masyarakat Muslim Bosnia pada awal abad ke-20 bukan sekadar satu bentuk reformasi sosial, tetapi juga sebuah medan perlawanan antara moderniti dan tradisi. Dalam *Bošnjak*, pendidikan dilihat sebagai alat pemerkasaan bagi wanita Muslim, tetapi dalam lingkungan nilai Islam yang dikawal ketat. Namun, ini tidak unik kepada Bosnia, sebaliknya ia mencerminkan dinamika yang lebih luas dalam dunia Islam, termasuk di Turki Uthmaniyah, Mesir, dan Asia Tenggara tetapi dalam konteks yang berbeza.

Turki Uthmaniyah

Dalam Kesultanan Uthmaniyah, reformasi pendidikan wanita berkembang pesat pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sultan Abdulhamid II memperkenalkan sekolah *Rüşdiye* dan *İdadiye* bagi wanita, yang memberi pendidikan bukan sahaja dalam agama tetapi juga dalam matematik, sains, dan kesusasteraan.⁴⁵ Melalui surat dalam *Bošnjak* oleh seorang wanita telah membandingkan betapa wanita Muslim dalam empayar Turki Uthmaniah dan wilayah Islam yang lain telah maju dalam bidang pendidikan dan mengharapkan wanita Muslim Bosnia turut mendapat peluang yang sama seperti mana kaum lelaki.

Bahawa wanita Muslim memerlukan pendidikan sama seperti pemuda lelaki. Perkara ini tidak perlu dipersoalkan lagi, dan tidak seharusnya diragui oleh sesiapa pun. Hari ini, dalam Empayar Uthmaniyyah dan di semua wilayah di mana umat Islam tinggal, kita dapat melihat pergerakan besar dalam kalangan wanita Muslim. Malah, seperti yang telah saya saksikan dan sahkan sendiri, terdapat ramai wanita di wilayah timur yang bukan sahaja berpendidikan dan berkelayakan untuk menjalankan tanggungjawab mereka serta memberikan didikan yang baik kepada anak-anak mereka, tetapi juga terdapat contoh di mana saudari-saudari kita di tanah yang jauh itu telah mula bekerja secara terbuka demi kebaikan bersama.⁴⁶

Ini menunjukkan di Bosnia pada abad awal ke 20 masih ketinggalan berbanding wanita di Muslim di negara Islam yang lain di bawah Turki Uthmaniyah. Konsep pendidikan wanita di Bosnia selari dengan model ini, seperti yang ditunjukkan dalam *Bošnjak*, di mana seorang wanita dari sekolah *Ruždija* menekankan kepentingan aritmetik, geografi, dan literasi.⁴⁷ Namun, perbezaan utama ialah Bosnia berada di bawah pentadbiran Austria-Hungary, yang membawa tekanan sekularisasi ke dalam sistem pendidikan, sesuatu yang tidak dialami dalam skala yang sama di Uthmaniyah⁴⁸. Uthmaniyah sendiri adalah kuasa Islam yang memimpin dan mengurus pendidikan Muslim, sedangkan Bosnia merupakan komuniti Muslim di bawah kuasa bukan-Islam pemerintahan Austria-Hungary. Konteks ini mempengaruhi bagaimana pendidikan wanita dibentuk dan bukan hanya konten kurikulum tetapi juga struktur institusi dan autonomi masyarakat Islam. Bosnia perlu mempertahankan ciri Islamnya dalam

⁴⁴ *Bošnjak*, 18 Februari 1910, hlm. 1-2.

⁴⁵ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate* (New Haven: Yale University Press, 1992), 92.

⁴⁶ *Bošnjak*, 27 Jun 1907, hlm 2.

⁴⁷ *Bošnjak*, 28 April 1904, hlm 1.

⁴⁸ Azlizan Mat Enh, "Pertempuran Rusia-Uthmaniyah 1877-1878 dan Impaknya terhadap Muslim Bulgaria", *Journal of Al-Tamaddun*, 19, no. 1 (2024): 61 – 74.

pendidikan dengan adanya tekanan sekular dan pengenalan sekolah moden oleh penjajah, berbanding sistem pendidikan Uthmaniyah yang sendiri menggabungkan reformasi Islam dan sekularisasi dalam empayarnya. Selain itu, di Turki Uthmaniyah, reformasi pendidikan wanita adalah sebahagian daripada pergerakan Tanzimat yang bertujuan memodenkan sistem pendidikan dalam struktur empayar Islam sendiri, termasuk penekanan terhadap ilmu umum dan sains.

Mesir

Di Mesir, peranan Qasim Amin dan *al-Muqtataf* dalam memperjuangkan pendidikan wanita mencetuskan perdebatan besar mengenai hubungan antara Islam, moderniti, dan hak wanita.⁴⁹ Pendidikan wanita di Bosnia juga memperlihatkan ketegangan yang sama iaitu sebahagian masyarakat Muslim menganggap pendidikan wanita sebagai pemodenan Islamik yang bermanfaat, sementara yang lain melihatnya sebagai ancaman kepada struktur sosial patriarki. *Bošnjak* menegaskan bahawa pendidikan wanita perlu dikawal supaya tidak membawa kepada sekularisasi yang berlebihan, yang mencerminkan kebimbangan serupa dalam masyarakat Islam Mesir pada era yang sama.

Di Mesir juga, perdebatan muncul dari wacana Islam dan moderniti tentang hak wanita, kerana kedudukan wanita Mesir ketika itu telah terpinggir daripada dunia realiti yang menuntut pemodenan wanita dalam peluang pendidikan berbanding pandangan masyarakat yang masih menempatkan tugas wanita hanya di rumah. Sementara di Bosnia, perdebatan bukan hanya soal hak tetapi juga soal penentangan terhadap kuasa kolonial yang menginginkan sekularisasi pendidikan. Masyarakat Bosnia berbeza kerana mereka bukan hanya berdebat tentang pendidikan wanita dalam kerangka agama vs moderniti, tetapi juga mempertahankan identiti budaya dan Islam di bawah pemerintahan asing. Ini adalah perbezaan antara Mesir dan Bosnia.

Asia Tenggara

Di Nusantara, reformasi pendidikan wanita Muslim berkembang pesat pada awal abad ke-20, terutamanya dengan penubuhan madrasah khusus untuk wanita seperti Diniyah Puteri di Indonesia. Perbandingan menarik dapat dilihat dalam *Bošnjak*, di mana masyarakat Muslim Sarajevo menekankan bahawa pendidikan Islam adalah benteng terakhir untuk mempertahankan identiti Muslim di bawah pemerintahan Austria-Hungary.

Semoga kita sentiasa ingat bahawa menjaga akhlak dan agama adalah tanggungjawab kita bersama, kerana ia adalah benteng utama yang akan memastikan kelangsungan dan kemajuan umat Islam di Bosnia dan Herzegovina. Kita juga memerlukan ibu-ibu yang berpendidikan yang mampu mendidik anak-anak mereka mengikut ajaran Islam dengan sempurna.⁵⁰

Hal ini sangat mirip dengan perjuangan ulama di Indonesia dan Tanah Melayu yang menubuhkan madrasah untuk menghalang pengaruh sekularisasi penjajah Belanda dan British. Namun, di Asia Tenggara, pendidikan wanita sering dijalankan oleh ulama dan komuniti tempatan sebagai respon penjajahan Belanda dan British, di mana penekanan adalah untuk mempertahankan ajaran Islam dalaman, sedangkan di Bosnia di bawah Austria-Hungary, institusi pendidikan dibentuk dan diurus oleh kuasa kolonial asing, yang mengintegrasikan elemen sekular dalam struktur dan kurikulum.

Analisis kontekstual memperlihatkan bahawa walaupun komuniti Muslim di Bosnia, Turki Uthmaniyah, Mesir, dan Asia Tenggara masing-masing menekankan kepentingan pendidikan wanita, tetapi konteks kolonial Austria-Hungary memberikan pengalaman yang unik bagi

⁴⁹ Margot Badran, *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences* (Oxford: Oneworld Publications, 2009), 114.

⁵⁰ *Bošnjak*, 9 April 1909, hlm.3.

Bosnia di mana pendidikan menjadi medan pertempuran identiti moral dan agama dalam menghadapi tekanan sekular serta asimilasi budaya yang dipaksakan secara institusi oleh kuasa asing. Secara keseluruhannya, idea pemodenan pendidikan wanita muslim Bosnia berbeza dalam menggunakan pendidikan sebagai alat pemeraksanaan wanita, yang berdepan cabaran unik akibat pemerintahan kolonial Eropah yang lebih agresif dalam usaha sekularisasi. Reformasi pendidikan di Bosnia semasa pemerintahan Austria-Hungary menunjukkan campur tangan yang lebih intensif oleh kuasa kolonial dalam struktur pendidikan. Pentadbiran Austria-Hungary tidak sekadar memperkenalkan sekolah baru tetapi juga mengintegrasikan sistem sekolah ke dalam model Eropah, yang mempengaruhi kurikulum, bahasa pengantar pendidikan, dan pengurusan sekolah Muslim⁵¹. Ini berbeza dengan era Uthmaniyah di mana pendidikan Islam diurus secara tempatan dan berasaskan tradisi madrasah. Maka, pendidikan wanita Bosnia bukan sekadar reformasi sosial, tetapi juga sebahagian strategi kolonial yang menggabungkan nilai Eropah dengan aspek pendidikan Islam. Kajian oleh Giomi menekankan bahawa sekolah perempuan Muslim pertama di Sarajevo (yang wujud pada akhir abad ke-19 di bawah Austria-Hungary) bukan hanya sebagai pendidikan asas tetapi juga sebagai alat *'civilising mission'* oleh kuasa kolonial. Ini menunjukkan bahawa pendidikan wanita di Bosnia berjalan dengan pola yang sangat berbeza dengan Turki Uthmaniyah atau Mesir, di mana reformasi lebih bersifat *'dari dalam'* oleh negara Islam sendiri.

Di Mesir, wacana pendidikan wanita dikaitkan dengan debat intelektual Islam dan moderniti, seperti karya Qasim Amin yang menekankan kesejajaran antara pendidikan wanita dan kemajuan sosial Muslim⁵². Timbulnya pemikiran ke arah itu disebabkan persepsi masyarakat Mesir terhadap pendidikan wanita dianggap tidak penting dan wanita hanya mempunyai tanggungjawab di rumah. Oleh itu, beliau menekankan wanita harus mempunyai keadilan yang sama dengan lelaki dalam peluang pendidikan. Justeru, dalam konteks di Mesir, pendidikan wanita ditekankan untuk mendapat peluang kesamarataan dengan kaum lelaki. Sebaliknya, di Bosnia pendidikan wanita dijalankan dalam konteks wilayah Muslim yang cuba mengekalkan identiti keagamaan sementara menghadapi dasar pendidikan sekular dan struktur institusi yang dibawa oleh kuasa kolonial Austria-Hungary. Transformasi pendidikan di Bosnia semasa pemerintahan Austria-Hungary mempunyai implikasi besar terhadap pembentukan identiti Muslim. Pendidikan perempuan bukan sekadar alat pemeraksanaan sosial tetapi juga medan negosiasi budaya antara tradisi Islam dengan tuntutan modenisasi kolonial, di mana wanita Muslim sering menjadi simbol utama pembelaan nilai moral dan agama dalam menghadapi arus sekularisasi. Ini berlainan dengan Turki Uthmaniyah di mana reformasi itu ialah sebahagian daripada usaha negara Islam sendiri untuk menyatukan reformasi dan tradisi, serta dengan Mesir di mana wacana pendidikan wanita menekankan bahawa pendidikan wanita adalah asas kemajuan sosial dan pembebasan individu sebagai sebahagian daripada kebangkitan pemikiran Islam moden.

Manakala di Asia Tenggara seperti Indonesia dan Malaysia, pendidikan wanita Muslim berkembang sebagai respons terhadap penjajahan Belanda dan British melalui inisiatif ulama dan komuniti Islam sendiri, yang menekankan pelestarian nilai Islam dan pembentukan identiti komuniti⁵³. Dalam konteks Bosnia pula, pendidikan wanita bukan hanya respons terhadap asimilasi budaya, tetapi juga pelaksanaan struktur pendidikan oleh kuasa kolonial bukan-Islam yang membawa konsep sekular secara institusi. Ini menunjukkan perbezaan mendalam antara

⁵¹ Enes Karić, *Bosnian Muslims and Their Educational Dilemmas in the Austro-Hungarian Period (1878–1918)* (Ankara: TIKA, 2019), 55.

⁵² Eliana Siregar, "Pemikiran Qasim Amin tentang Emansipasi Wanita," *Kafaah: Journal of Gender Studies* 6, no. 2 (2017): 251–73.

⁵³ E Eka Srimulyani, "Muslim Women and Education in Indonesia: The Pondok Pesantren Experience," *Asia Pacific Journal of Education* 27 (2007): 85–99; Suriani Nur, Sari Utami, M. Abzar Duraesa, M. Yahya, and Muh. Nizar Sohyb, "The Role of Muslim Women in Waste Management for Sustainable Environmental Conservation in the Coastal Area of Bone, South Sulawesi," *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 9, no. 2 (2025): 989–1011.

gerakan pendidikan Muslim di Bosnia dan di Asia Tenggara: di Bosnia ia berlaku dalam struktur kolonial yang menempatkan nilai Eropah sebagai asas pendidikan, manakala di Asia Tenggara ia dikendalikan oleh masyarakat Islam sendiri.

Selain itu, dalam konteks Bosnia, pendidikan bukan sekadar satu keperluan sosial tetapi alat untuk mengekalkan identiti Islam dalam menghadapi kolonialisme. Dalam *Bošnjak*, masyarakat Muslim Sarajevo menegaskan bahawa pendidikan Islam harus dipertahankan bagi mengelakkan asimilasi budaya di bawah Austria-Hungary.⁵⁴ Pendidikan wanita dalam *Bošnjak* bukan hanya mencerminkan perubahan sosial dalam Bosnia, tetapi juga wacana yang lebih luas dalam dunia Islam. Perbandingan dengan Turki Uthmaniyah, Mesir, dan Asia Tenggara menunjukkan bahawa Bosnia bukan pengecualian, tetapi sebahagian daripada gerakan pendidikan Islam global yang bergelut dengan isu yang sama bagaimana memodenkan pendidikan wanita sambil mengekalkan identiti Islam⁵⁵. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa apa yang lebih penting, akhbar ini mencerminkan cabaran pendidikan wanita Muslim, di mana ketegangan antara moderniti dan tradisi serta identiti budaya telah menjadi perdebatan utama. Justeru, analisis pendidikan wanita dalam *Bošnjak* bukan sekadar sebuah kajian sejarah, tetapi sebuah refleksi terhadap isu pendidikan wanita Muslim di peringkat global yang masih berterusan hingga ke abad ke-21.

Campur Tangan Kolonial dan Reaksi Masyarakat Muslim

Salah satu bukti jelas kebimbangan masyarakat Islam terhadap campur tangan kolonial dalam budaya mereka dapat dilihat dalam laporan *Bošnjak*, yang menafikan khabar angin bahawa kerajaan Austria-Hungary akan memaksa wanita Muslim menanggalkan hijab dan meruntuhkan masjid-masjid.⁵⁶ Penyebaran khabar angin ini menunjukkan bagaimana masyarakat Muslim Bosnia melihat hijab bukan sekadar pakaian, tetapi simbol ketahanan identiti Islam.

Seperti yang kita fahami dari pelbagai pihak, khabar angin palsu telah tersebar sejak beberapa waktu lalu, bahawa kerajaan berniat untuk memerintahkan wanita Muslim menanggalkan tudung mereka, merobohkan masjid-masjid, dan sebagainya. Khabar angin ini sama sekali tidak benar, tetapi hanyalah pembongkaran semata-mata, kerana kerajaan bukan sahaja tidak merobohkan masjid-masjid kita, malah sedang memperbaiki dan membangunkannya lebih banyak setiap hari. Khabar angin ini disebarkan oleh golongan perosak (muftis) serta musuh-musuh kita yang ingin mengelirukan umat Islam, mungkin dengan harapan mendapat keuntungan dalam keadaan huru-hara. Mereka ini sudah pasti musuh kita, dan mereka tidak mungkin menjadi sahabat baru kita! Oleh itu, kami menganggap sebagai tanggungjawab kami untuk membunuh dan menolak khabar angin ini, serta membuktikan bahawa ia hanyalah pembongkaran dan rekaan semata-mata.⁵⁷

Penafian terhadap khabar angin bahawa kerajaan kolonial akan memaksa wanita Muslim menanggalkan hijab serta meruntuhkan masjid bukan sekadar usaha membetulkan maklumat palsu, tetapi berfungsi sebagai intervensi wacana untuk meredakan kebimbangan kolektif umat Islam terhadap campur tangan langsung kolonial dalam amalan dan simbol keagamaan mereka. Penyebaran khabar angin tersebut sendiri mencerminkan sensitiviti tinggi masyarakat Islam Bosnia terhadap isu hijab, yang difahami bukan semata-mata sebagai bentuk pakaian, tetapi

⁵⁴ *Bošnjak*, 9 April 1909, hlm.3.

⁵⁵ Duman Saifullin, Samet Okan, and Askar Akimkhanov, "Women Rights from Islamic Perspectives: Navigating Rights, Challenges and Contemporary Perspectives," *Frontiers in Sociology* 10 (2025): 43-45.

⁵⁶ *Bošnjak*, 11 Februari 1897, hlm. 1.

⁵⁷ *Bošnjak*, 11 Februari 1897, hlm. 1.

Islam, Wanita, dan Kemodenan: Representasi Wanita Muslim Bosnia dalam Akhbar Bošnjak Awal Abad ke-20 sebagai simbol kelangsungan identiti Islam dan autonomi budaya di bawah pemerintahan kolonial.

Di samping itu, tidak dinafikan perbincangan dalam *Bošnjak* selari dengan hujah Leila Ahmed yang menunjukkan bahawa penjajah Eropah sering memanipulasi imej wanita Muslim sebagai alasan untuk mengubah struktur sosial masyarakat Islam.⁵⁸ Dalam kes di Mesir, Lord Cromer menuduh Islam menindas wanita dengan mewajibkan hijab, tetapi pada masa yang sama, beliau menentang hak wanita British untuk mendapatkan pendidikan dan hak asasi yang lebih baik.⁵⁹ Di Bosnia, pihak kolonial tidak secara langsung melarang hijab seperti yang berlaku di Algeria di bawah Perancis,⁶⁰ tetapi usaha untuk memperkenalkan budaya sekular diterjemahkan dalam bentuk tekanan sosial. *Bošnjak* memainkan peranan membentuk naratif tandingan dengan menekankan bahawa menutup aurat adalah sebahagian daripada perjuangan mempertahankan identiti Islam Bosnia daripada asimilasi Austria-Hungary.

Dalam konteks penjajahan, media sering menjadi alat utama untuk membentuk wacana yang menguntungkan pihak berkuasa. Namun, *Bošnjak* berfungsi sebagai media Islam yang melawan dominasi kolonial, sebaliknya memperkukuhkan naratif Islam dalam mempertahankan maruah dan peranan wanita dalam masyarakat. *Bošnjak* menonjolkan wanita Muslim sebagai pemegang nilai Islam. Artikel dalam *Bošnjak* memetik seperti berikut iaitu:

Perlu ditekankan bahawa akhlak adalah perkara paling suci dalam dunia Islam, kerana ia merupakan nilai yang ditanam oleh Islam dalam hati umat kita. Tradisi kita dibina atas prinsip memelihara kekuatan moral, yang selama ini menjadi tonggak bagi setiap bangsa.⁶¹

Petikan ini menegaskan bahawa wanita Muslim harus tetap berpegang pada ajaran Islam, walaupun terdapat tekanan untuk mengadaptasi gaya hidup sekular seperti isu penghinaan terhadap wanita Muslim yang diminta menghidu bau arak. Selain itu, insiden penghinaan terhadap wanita Muslim sebagai bukti campur tangan kolonial seperti insiden dalam *Bošnjak* (7 April 1904) dijadikan bukti bahawa masyarakat kolonial cuba melemahkan norma Islam dengan menguji sempadan moraliti wanita Muslim.⁶² Seterusnya, menggunakan pendidikan sebagai alat mempertahankan nilai Islam seperti dilaporkan dalam *Bošnjak*, wanita Muslim yang menerima pendidikan masih ditekankan untuk memegang peranan domestik dan menjaga batas moral Islam.

Salah satu keperluan terbesar kita, dan saya yakin ini antara yang paling penting, adalah memberikan perhatian dan usaha terhadap pendidikan wanita muda kita. Dalam mektab wanita, seorang kanak-kanak perempuan akan belajar asas pendidikan agama, bahasa Arab (lisan dan tulisan), pendidikan moral, ilmu kira-kira (Ilmi Hesab), dan kemahiran tangan. Pelajaran kemahiran tangan akan merangkumi semua keperluan rumah tangga yang perlu dikuasai seorang wanita, seperti mengait, menenun, menyulam, dan sebagainya.⁶³

Bošnjak menunjukkan bahawa wanita Muslim di Bosnia bukan sahaja berhadapan dengan tekanan untuk menerima norma kolonial, tetapi juga menjadi simbol utama dalam mempertahankan identiti Islam. Hijab, pendidikan, dan norma sosial mereka bukan sekadar

⁵⁸ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate* (New Haven: Yale University Press, 1992), 75.

⁵⁹ Leila Ahmed, *Women and Gender in Islam*, 110.

⁶⁰ Marnia Lazreg, *The Eloquence of Silence: Algerian Women in Question* (London: Routledge, 2018), 53.

⁶¹ *Bošnjak*, 30 Mei 1907, hlm.1.

⁶² *Bošnjak*, 7 April 1904, hlm.3.

⁶³ *Bošnjak*, 4 Mac 1910, hlm 1-2.

aspek budaya, tetapi sebahagian daripada perjuangan mengekalkan keunikan Islam Bosnia dalam menghadapi sekularisasi kolonial. Dari perspektif teori pascakolonial, perbincangan ini menunjukkan bahawa masyarakat Muslim Bosnia tidak menerima kolonialisme secara pasif, tetapi menggunakan media Islam seperti *Bošnjak* untuk menentang idea kolonial dan menegaskan peranan wanita sebagai penjaga moraliti Islam. Justeru, analisis ini bukan hanya memberi pandangan sejarah, tetapi juga relevan dalam memahami bagaimana wanita Muslim hari ini terus berjuang mempertahankan identiti mereka dalam dunia moden yang semakin sekular.

Wanita sebagai Simbol Identiti dan Nasionalis Islam

Selain pendidikan, *Bošnjak* turut menggariskan peranan wanita Muslim sebagai penjaga moraliti Islam, yang sering digambarkan sebagai benteng terakhir dalam mempertahankan identiti agama⁶⁴. Peranan ini menjadi lebih signifikan dalam konteks Bosnia yang berada di bawah pemerintahan Austria-Hungary, di mana wanita Muslim bukan sahaja dihadapkan dengan cabaran pemodenan, tetapi juga tekanan kolonial untuk menyesuaikan diri dengan nilai sekular Eropah.

Wanita Muslim dalam Bosnia bukan sahaja dihadapkan dengan tekanan sosial untuk berubah, tetapi juga menjadi sasaran penghinaan dan cabaran kepada prinsip moral Islam. Dalam *Bošnjak*, dilaporkan bahawa seorang wanita Muslim dihina kerana enggan mencium botol arak yang diberikan kepadanya.

Wanita bernama Ružka itu sedang memegang sebotol arak di tangannya dan menawarkan kepada wanita Muslim itu untuk menghidu baunya. Apabila wanita Muslim itu menolak dengan tegas, Ružka kemudian mengeluarkan kata-kata penghinaan yang amat keterlaluan terhadap abū zezem, sesuatu yang sangat suci bagi kita umat Islam.⁶⁵

Insiden ini menjadi bukti bagaimana wanita Muslim sering digunakan sebagai simbol perlawanan terhadap norma kolonial yang bertentangan dengan Islam. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan analisis Gayatri Chakravorty Spivak yang menunjukkan bagaimana wanita sering digunakan sebagai alat justifikasi untuk campur tangan kolonial.⁶⁶ Dalam konteks kolonial British di India, wanita Hindu digambarkan sebagai ‘tertindas’ dan ‘perlu diselamatkan’, yang kemudian digunakan untuk mewajarkan penghapusan amalan Sati.⁶⁷

Namun, apa yang berbeza dalam konteks Bosnia ialah wanita Muslim bukan sekadar objek pasif dalam pandangan kolonial, tetapi turut memainkan peranan aktif dalam mempertahankan identiti Islam mereka. Dalam *Bošnjak*, dilaporkan bagaimana wanita Muslim menolak dimasukkan ke dalam wad hospital awam bersama pesakit lelaki bukan Muslim.

Masalahnya bukan sekadar kehadiran doktor lelaki di bilik itu, tetapi juga pesakit lelaki dan kehadiran pelawat lelaki lain yang datang melawat pesakit mereka. Keadaan ini memaksa wanita Muslim untuk tetap tinggal di rumah, walaupun mereka memerlukan rawatan. Untuk menyelesaikan masalah yang nyata dan

⁶⁴ Adis Duderija, “The Concept of a Religiously Ideal Muslim Woman in Two Treatises on the Customs of Bosnian Muslims,” *Hawwa: Journal of Women of the Middle East and the Islamic World* 21, no. 3 (2023): 213–230.

⁶⁵ *Bošnjak*, 7 April 1904, hlm. 3.

⁶⁶ Gayatri Chakravorty Spivak, “Can the Subaltern Speak?” dalam *Marxism and the Interpretation of Culture*, ed. Cary Nelson and Lawrence Grossberg (Urbana: University of Illinois Press, 1988), 200.

⁶⁷ Sati adalah amalan pengebumian sosial sebagai simbol taat setia seorang isteri kepada suami. Bagi masyarakat Hindu, isteri akan membakar dirinya bersama mayat suami. Amalan ini telah dihapuskan di India pada tahun 1829 semasa penjajahan British.

mendesak ini, kami dengan penuh hormat memohon kepada kerajaan wilayah supaya membina sebuah pavilion khas untuk wanita Muslim.⁶⁸

Ini menunjukkan bagaimana norma agama Islam tetap dijadikan garis pertahanan dalam mengekalkan maruah wanita Muslim. Ahli keluarga wanita itu juga tidak setuju percampuran wad wanita dan perempuan. Selain itu, sebahagian wanita Muslim enggan mendapatkan rawatan daripada doktor lelaki, sehingga sanggup menanggung risiko kematian.

Ramai wanita Muslim, walaupun ketika sakit teruk, lebih rela menerima takdir mereka daripada memanggil doktor lelaki untuk mendapatkan bantuan, yang membawa kepada penyebaran pelbagai penyakit berbahaya di kalangan wanita Muslim.”⁶⁹

Keengganan sebahagian wanita Muslim untuk mendapatkan rawatan daripada doktor lelaki tidak boleh dianggap sebagai penolakan terhadap perubatan moden semata-mata, tetapi sebagai manifestasi pemeliharaan maruah, batasan gender, dan kehormatan agama yang menjadi teras identiti Islam. Dalam konteks ini, perkhidmatan doktor wanita di Bosnia telah membuktikan bahawa wanita Muslim menerima perubatan moden tanpa mengorbankan norma agama, sekali gus menjadikan wanita bukan sekadar subjek perlindungan, tetapi simbol kelangsungan identiti Islam di bawah pemerintahan Austria-Hungary. Laporan dalam *Bošnjak* tentang kejayaan doktor wanita sebagai bukti bahawa pemodenan boleh diselaraskan dengan nilai Islam, sambil menegaskan bahawa penolakan terhadap doktor lelaki bukan bersifat mutlak, tetapi bersyarat kepada penghormatan terhadap adat dan prinsip agama. Pelantikan doktor wanita seperti pelantikan Dr. Fl. Bayer dan Dr. Teodora Krajevska di Tuzla membuktikan wanita Muslim menerima pemodenan perubatan:

Kepercayaan penduduk tempatan terhadap doktor-doktor(wanita) ini meningkat dari hari ke hari, dan wanita mencari nasihat perubatan daripada mereka walaupun ketika mereka tidak memerlukannya, sebagai seorang teman atau saudara perempuan. Amalan kedua-dua doktor termasuk merawat pelbagai penyakit dalam perubatan dalaman dan pembedahan. Tidak diragukan lagi bahawa dengan kejayaan sedemikian, keinginan untuk melantik lebih banyak doktor wanita di Bosnia dan Herzegovina akan meningkat, kerana mereka dilihat sebagai penting untuk mendekati wanita Muslim dan menyumbang kepada pendidikan mereka dalam hal kesihatan.⁷⁰

Ekonomi Wanita Muslim dalam Bošnjak

Pada awal abad ke-20, wanita Muslim di Bosnia memainkan peranan penting dalam ekonomi dan pembangunan sosial, meskipun kebanyakan akhbar dominan sering kali memberi tumpuan kepada peranan lelaki. Akhbar *Bošnjak*, yang diterbitkan dalam tempoh pemerintahan Austro-Hungaria, menjadi salah satu medium penting dalam mendokumentasikan sumbangan wanita Muslim dalam bidang ekonomi termasuk aktiviti filantropi seperti wakaf.

Peningkatan Peranan Wanita dalam Tenaga Kerja

Dalam peralihan abad ke-20, *Bošnjak* menggambarkan transformasi peranan wanita Muslim dalam ekonomi, mencerminkan perubahan secara perlahan tetapi signifikan. Walaupun masyarakat Muslim Bosnia masih berpegang teguh pada norma tradisional, terdapat peningkatan keterlibatan wanita dalam industri seperti tenunan dan sulaman. Dalam *Bošnjak*, dilaporkan bahawa semakin ramai wanita Muslim mula bekerja di bengkel tenunan di Sarajevo, tetapi dengan syarat pemisahan gender dan pematuhan nilai Islam:

⁶⁸ *Bošnjak*, 27 Jun 1907, hlm.2.

⁶⁹ *Bošnjak*, 5 April 1906, hlm. 3.

⁷⁰ *Bošnjak*, 16 Mei 1895, hlm.1-2.

Wanita-wanita ini tidak hanya menghasilkan kain berkualiti tinggi, tetapi juga menunjukkan bahawa tenaga kerja wanita boleh berkembang tanpa menjejaskan nilai agama.⁷¹

Ini menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam tenaga kerja diterima selagi ia tidak bercanggah dengan ajaran agama. Laporan ini memperlihatkan keseimbangan yang cuba dicapai antara tradisi dan perubahan sosial. Walaupun wanita diberikan peluang untuk bekerja, batasan sosial yang dikenakan masih tegar. Ini mencerminkan kedudukan wanita yang berada dalam ruang yang kompleks, di mana mereka berusaha untuk mendapat pengiktirafan ekonomi tanpa mencabar norma patriarki yang telah lama mengakar. *Bošnjak* memainkan peranan penting dalam menyampaikan realiti ini kepada masyarakat, memastikan bahawa suara wanita dalam tenaga kerja tetap dalam lingkungan yang diterima oleh golongan ulama dan elit konservatif. Seperti yang dicatat dalam *Bošnjak*:

Wanita-wanita kita boleh bekerja selagi mereka menghormati batasan yang telah ditetapkan oleh agama dan budaya kita.⁷²

Situasi ini seiring dengan perbincangan feminisme Islam kontemporari, di mana penglibatan wanita dalam ekonomi sering dianggap sah selagi ia tidak mencabar norma agama.⁷³ Dalam konteks Bosnia, *Bošnjak* berperanan sebagai media yang mengawal naratif, mengukuhkan keperluan untuk menjaga kehormatan wanita dalam tenaga kerja. Ini sejajar dengan trend global di mana kebangkitan nasionalisme Islam telah membentuk semula peranan wanita dalam ekonomi dengan menyesuakannya dengan prinsip-prinsip agama. Dalam kes Bosnia, wanita tidak sekadar menjadi tenaga buruh tetapi turut mempengaruhi tenaga kerja wanita dengan mengekalkan elemen moral dan agama dalam pekerjaan mereka.

Namun, penyertaan wanita dalam ekonomi bukan hanya dalam bentuk pekerjaan sahaja tetapi juga sebagai pengurus sumber ekonomi keluarga. Dalam *Bošnjak*, dilaporkan mengenai pameran sulaman oleh wanita Muslim, menunjukkan bahawa wanita bukan sekadar memainkan peranan domestik, tetapi juga menyumbang kepada ekonomi keluarga:

Karya-karya mereka menjadi bukti kebolehan dan ketelitian mereka, memberikan sumber pendapatan yang sah dalam ruang yang diiktiraf oleh masyarakat.⁷⁴

Pameran ini bukan hanya bukti kemahiran wanita Muslim dalam kraftangan, tetapi juga legitimasi peranan ekonomi mereka dalam batas Islam. Ini memberi indikasi bahawa peranan wanita dalam ekonomi bukan hanya sebagai buruh semata-mata tetapi juga sebagai pelaku ekonomi yang mempunyai daya cipta dan daya saing.⁷⁵

Dalam perspektif yang lebih luas, pameran ini juga menunjukkan usaha wanita Muslim Bosnia dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka dalam masyarakat. Dengan menampilkan hasil kerja mereka di ruang awam, ia memperlihatkan keupayaan mereka untuk berdikari dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat. Ini juga selari dengan strategi ekonomi yang dilaksanakan dalam banyak masyarakat Islam pada waktu itu, di mana industri kecil dan sederhana yang berasaskan kemahiran tangan menjadi platform utama bagi wanita untuk terlibat dalam tenaga kerja tanpa mengorbankan nilai-nilai agama dan budaya mereka.

⁷¹ *Bošnjak*, 4 Februari 1910, hlm. 2.

⁷² *Bošnjak*, 8 Jun 1899, hlm. 1.

⁷³ Miriam Cooke, *Women Claim Islam: Creating Islamic Feminism through Literature* (New York and London: Routledge, 2001), 134.

⁷⁴ *Bošnjak*, 18 Julai 1905, hlm. 2.

⁷⁵ Rahmaniah, Aulia, Endang Susanti, D. W. Budi Hendarti, & U. A. Sari. "The Movement of Muhammadiyah Women: Religious Values, Culture, and Gender Equality." *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 13, no. 1 (2025): 669–694.

Secara keseluruhannya, peningkatan peranan wanita dalam tenaga kerja di Bosnia pada awal abad ke-20 adalah satu fenomena yang kompleks. Walaupun terdapat sekatan sosial dan budaya, wanita tetap mencari ruang untuk menyumbang kepada ekonomi melalui pelbagai cara, sama ada sebagai pekerja, usahawan, atau pengurus sumber ekonomi keluarga. *Bošnjak* memainkan peranan penting dalam mendokumentasikan perubahan ini, menunjukkan bahawa walaupun perubahan berlaku secara perlahan, ia tetap signifikan dalam membentuk kedudukan wanita dalam masyarakat Bosnia pada era tersebut. Selain penyertaan dalam sektor pekerjaan, wanita Muslim Bosnia juga memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi melalui sistem wakaf. Wakaf menjadi salah satu aspek penting dalam sistem ekonomi Islam di Bosnia-Herzegovina, dan wanita turut berperanan dalam mewakafkan harta mereka bagi tujuan kebajikan. Dalam *Bošnjak*, dilaporkan bahawa dua wanita Muslim, Hasnije-hanuma Zildžić dan anak perempuannya, Šemse-hanuma Pinjo, mewakafkan sebuah rumah bernilai 10,000K untuk kebajikan masyarakat.

Baru-baru ini, di Mahkamah Syariah Sarajevo, di hadapan hakim terhormat Hafiz Ajni ef. Bušatlić, dua wanita Muslim yang mulia, Hasnije-hanuma Zildžić (janda Pinje) dan anak perempuannya, Šemse-hanuma Pinjo, telah mewakafkan sebuah rumah bernilai 10,000 K untuk tujuan kebajikan.⁷⁶

Selain itu, terdapat juga seorang dermawan wanita lain yang turut memberi sumbangan untuk tujuan kebajikan.

Seorang lagi dermawan, Mejruša, bekas pembantu kepada Hadži Mujaga Bičakčić, telah mewakafkan sebuah rumah bernilai 6,000 K, yang diperolehnya melalui usaha sendiri. Hasil dari wakafnya akan digunakan untuk tujuan kebajikan dalam 12 bahagian yang berbeza.⁷⁷

Sumbangan-sumbangan ini telah digunakan untuk membantu fakir miskin, memperbaiki masjid, dan menyokong pendidikan agama. Ini menunjukkan bahawa wanita Muslim Bosnia tidak hanya terlibat dalam ekonomi domestik, tetapi juga dalam pemerikasaan ekonomi Islam melalui filantropi. Dari aspek perpaduan, sumbangan ini juga telah mengukuhkan institusi Islam seperti madrasah atau masjid, yang berperanan penting dalam pendidikan dan perpaduan sosial. Melalui sumbangan tersebut, juga mereka telah membantu memelihara identiti budaya dan agama masyarakat Bosnia Muslim, terutama dalam menghadapi perubahan politik dan sosial pada masa itu. Secara keseluruhan, sumbangan Hasnije-hanuma Zildžić dan Šemse-hanuma Pinjo bukan sahaja memberikan manfaat material kepada masyarakat tetapi juga memperkuat struktur sosial dan budaya yang penting bagi kelangsungan dan kesejahteraan komuniti Bosnia Muslim pada awal abad ke-20 yang berada di bawah penjajahan Austria-Hungary.

Kaitan ini dapat diperjelaskan dengan teori ekonomi Islam kontemporari, yang menegaskan bahawa wanita Muslim boleh memainkan peranan dalam ekonomi tanpa melanggar batas agama.⁷⁸ Konsep ini selari dengan amalan wakaf yang telah lama wujud dalam tamadun Islam, di mana wanita seperti Ratu Zubaidah di Baghdad pada era Abbasiyah turut terlibat dalam pembangunan ekonomi melalui wakaf.

⁷⁶ *Bošnjak*, 3 Ogos 1905, hlm. 1.

⁷⁷ *Bošnjak*, 3 Ogos 1905, hlm. 1.

⁷⁸ Margot Badran, *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences* (Oxford: Oneworld Publications, 2009), 63.

Kesimpulan

Bošnjak memainkan peranan yang penting setara dengan akhbar-akhbar reformis Islam di dunia Arab dan Uthmaniyah, di mana moderniti diterima tetapi harus dikawal dalam kerangka Islam. Antara tema-tema utama *Bošnjak* ialah wanita harus berpendidikan dan boleh bekerja, tetapi pada masa yang sama mereka masih harus menjaga adab dan batasan Islam. Ini kerana wanita yang berpendidikan dapat melahirkan generasi yang beilmu untuk kemajuan masyarakat. Apatah lagi di bawah penjajahan kerajaan Austria-Hungary yang menjadikan wanita sebagai subjek yang harus diberikan kemodenan. Perbincangan dalam *Bošnjak* tidak menentang pentadbiran Austria-Hungary tetapi kemodenan yang dimaksudkan bukan sekadar ke majlis-majlis tari menari sebaliknya kemodenan dalam arus pendidikan yang wajar memberikan pendidikan sama rata kepada lelaki dan wanita.

Selain itu, tema lain yang turut ditekankan oleh *Bošnjak* termasuklah, masyarakat Muslim Bosnia harus menyesuaikan pemodenan ekonomi dengan batas agama dan budaya. Berkaitan pemodenan ekonomi, dua perkara utama yang dapat dilihat dalam *Bošnjak*. Pertama, penerimaan peranan ekonomi wanita dalam batas Islam. Pekerjaan dalam bengkel tenunan diterima kerana ia selari dengan norma kesopanan Islam. Kedua, pemeliharaan struktur sosial Islam dalam pemodenan, ditegaskan bahawa pemodenan ekonomi tidak boleh membawa kepada kelonggaran norma Islam. Pergelutan ini menjelaskan bahawa wanita dalam masyarakat pascakolonial sering dimanipulasi untuk memenuhi naratif kolonial. Namun, dalam konteks Bosnia, wanita Muslim bukan sahaja menjadi subjek pasif, tetapi juga membentuk naratif yang mempertahankan Islam dalam arus pemodenan. *Bošnjak* sebagai media Islam yang mengawal naratif pemodenan dapat menyeimbangkan pemodenan ekonomi dengan nilai Islam, menolak model sekular Barat yang dipromosikan oleh penjajah Austria-Hungary.

Dalam konteks teori feminisme Islam pula, artikel ini memperlihatkan bahawa wanita Muslim Bosnia tidak hanya berfungsi dalam ruang domestik, tetapi boleh memainkan peranan yang besar dalam bidang pendidikan, ekonomi, perubatan dan lain-lain yang berasaskan syariat Islam. Seperti yang diujahkan, wanita dalam masyarakat Islam tidak semestinya menolak pemodenan, tetapi mereka harus menyesuakannya dengan nilai agama dan budaya mereka. Kajian terhadap akhbar *Bošnjak* membuktikan bahawa Islam dan pemodenan tidak semestinya bertentangan, tetapi boleh bergerak seiring dalam membentuk masyarakat yang berkembang tanpa kehilangan identiti Islamnya.

Rujukan

Abu-Lughod, Lila. *Do Muslim Women Need Saving?* Cambridge and London: Harvard University Press, 2013.

Ahmed, Leila. *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate*. New Haven: Yale University Press, 1992.

Aslati, Rahman, Silawati, Sofia Hardani, and Albahi. "The Role of Women in Politics in Indonesia: Critical Review of Islamic Law." *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 9, no. 2 (2025): 1108–1129.

Azlizan Mat Enh, "The First Balkan War, 1912-1913: An Analysis from British Records," *Tamkang Journal of International Affairs* 18, no. 1 (2014):109-140.

Islam, Wanita, dan Kemodenan: Representasi Wanita Muslim Bosnia dalam Akhbar Bošnjak Awal Abad ke-20
Azlizan Mat Enh. "Balkan War 2 In 1913 And the Diplomacy of the Great Powers: Analysis from the British Documents." *Tamkang Journal of International Affairs* 20, no. 1 (2016):95-138.

Azlizan Mat Enh. "Pertempuran Rusia-Uthmaniyah 1877-1878 dan Impaknya terhadap Muslim Bulgaria." *Journal of Al-Tamaddun* 19, no. 1 (2024): 61 – 74.

Azlizan Mat Enh, Suffian Mansor, Mohamad Rodzi Abd. Razak. "The Treaty of Berlin 1878: Implications for Muslims migrationin Bosnia-herzegovina Before World War 1." *Journal Of al-Tamaddun* 17, no. 1 (2022): 1-14.

Badran, Margot. *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences*. Oxford: Oneworld Publications, 2009.

Bougarel, Xavier. *Islam and Nationhood in Bosnia-Herzegovina*. London: Bloomsbury, 2017.

Bošnjak, 16 Mei 1895.

Bošnjak, 11 Februari 1897.

Bošnjak, 8 Jun 1899.

Bošnjak, 27 Jun 1907

Bošnjak, 7 April 1904.

Bošnjak, 28 April 1904.

Bošnjak, 18 Julai 1905.

Bošnjak, 3 Ogos 1905.

Bošnjak, 5 April 1906

Bošnjak, 9 April 1909.

Bošnjak, 27 Jun 1907.

Bošnjak, 30 Mei 1907.

Bošnjak, 4 Februari 1910.

Bošnjak, 18 Februari 1910.

Bošnjak, 4 Mac 1910.

Chakrabarty, Dipesh. *Provincializing Europe: Postcolonial Thought and Historical Difference*. Princeton: Princeton University Press, 2000.

Cooke, Miriam. *Women Claim Islam: Creating Islamic Feminism through Literature*. New York and London: Routledge, 2001.

Donia, Robert J. *Sarajevo: A Biography*. London: Hurst, 2006.

Duderija, Adis. "The Concept of a Religiously Ideal Muslim Woman in Two Treatises on the Customs of Bosnian Muslims." *Hawwa: Journal of Women of the Middle East and the Islamic World* 21, no. 3 (2023): 213–230.

Giomi, Fabio. *Making Muslim Women European: Voluntary Associations, Gender, and Islam in Post-Ottoman Bosnia and Yugoslavia (1878–1941)*. Budapest/New York: Central European University Press, 2021.

Hatem, Mervat F. *Literature, Gender, and Nation-Building in Nineteenth-Century Egypt*. New York: Palgrave, 2011.

Hoare, Marko Attila. *The History of Bosnia: From the Middle Ages to the Present Day*. London: Saqi Publications, 2007.

Imamović, Mustafa. *Historija Bošnjaka*. Sarajevo: Bošnjački Institut, 2006.

Jahić, Adnan. *Muslimansko žensko pitanje u Bosni i Hercegovini (1908–1950)*. Zagreb; Sarajevo, 2017.

Karić, Enes. "Islamic Thought in Bosnia-Herzegovina in the 20th Century: Debates on Revival and Reform." *Islamic Studies* 41, no. 3 (2002): 391–444.

Karić, Enes. *Bosnian Muslims and Their Educational Dilemmas in the Austro-Hungarian Period (1878–1918)*. Ankara. 2019.

Khairi Ariffin & Azlizan Mat Enh. "English Language In The British Education System In Malaya: Implementation And Implications". *3L: Language, Linguistics, Literature. The Southeast Asian Journal Of English Language Studies* 28, no. 4 (2022): 1-12.

Lazreg, Marnia. *The Eloquence of Silence: Algerian Women in Question*. London: Routledge, 2018.

Mir-Hosseini, Ziba. "Beyond 'Islam vs. Feminism.'" *IDS Bulletin* 42, no. 1 (2011): 67–77.

Mohanty, Chandra Talpade. *Feminism without Borders: Decolonizing Theory, Practicing Solidarity*. Durham, NC: Duke University Press, 2003.

Pinson, Mark. *The Muslims of Bosnia-Herzegovina: Their Historic Development from the Middle Ages to the Dissolution of Yugoslavia*. Cambridge, MA: Harvard University Press, 1996.

Rahmaniah, Aulia, Endang Susanti, D. W. Budi Hendrarti, and U. A. Sari. "The Movement of Muhammadiyah Women: Religious Values, Culture, and Gender Equality." *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 13, no. 1 (2025): 669–694.

Saifullin, Duman, Samet Okan, and Askar Akimkhanov. "Women Rights from Islamic Perspectives: Navigating Rights, Challenges and Contemporary Perspectives." *Frontiers in Sociology* 10 (2025): 43–45.

Shaikh, Sa'diyya. *Sufi Narratives of Intimacy: Ibn 'Arabī, Gender, and Sexuality*. Chapel Hill: University of North Carolina Press, 2021.

Islam, Wanita, dan Kemodenan: Representasi Wanita Muslim Bosnia dalam Akhbar Bošnjak Awal Abad ke-20
Siregar, Eliana. "Pemikiran Qasim Amin tentang Emansipasi Wanita." *Kafaah: Journal of Gender Studies* 6, no. 2 (2017): 251–273.

Spivak, Gayatri Chakravorty. "Can the Subaltern Speak?" In *Marxism and the Interpretation of Culture*, edited by Cary Nelson and Lawrence Grossberg, 271–313. Urbana: University of Illinois Press, 1988.

Srimulyani, Eka. "Muslim Women and Education in Indonesia: The Pondok Pesantren Experience." *Asia Pacific Journal of Education* 27 (2007): 85–99.

Suriani Nur, Sari Utami, M. Abzar Duraesa, M. Yahya, and Muh. Nizar Sohyb. "The Role of Muslim Women in Waste Management for Sustainable Environmental Conservation in the Coastal Area of Bone, South Sulawesi." *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 9, no. 2 (2025): 989–1011.

Wodak, Ruth, and Michael Meyer. "Critical Discourse Studies: History, Agenda, Theory, and Methodology." In *Methods of Critical Discourse Studies*, edited by Ruth Wodak and Michael Meyer, 1–22. London: Sage Publications, 2016.

